

## Calon dan Manifesto dalam Pilihan Raya di Malaysia: Pengaruh dan Cabaran dalam Politik Kontemporari

*Candidates and Manifestos in Malaysian Elections: Influences and Challenges in Contemporary Politics*

Irfazrina Ismail

<sup>1</sup>Muhamad Nadzri Mohamed Noor

Program Sains Politik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding e-mail: <sup>1</sup>nadzri@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan aliran pengaruh kepada rakyat dan perpecahan undi rakyat di Malaysia terhadap calon dan manifestonya dalam Pilihan Raya Kontemporari. Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 2018 dan PRU ke-15 (2022) telah menyaksikan perubahan ketara perpecahan undi kepada parti-parti yang bertanding berdasarkan calon yang diletakkan dan manifesto yang dibawa. Keputusan politik rakyat Malaysia semasa PRU ke-14 menunjukkan buat pertama kali dalam sejarah politik pilihan raya di negara ini bahawa berlakunya perubahan pemerintahan iaitu Barisan Nasional (BN) telah tumbang kepada pakatan pembangkang ,Pakatan Harapan (PH). Penilaian keputusan menunjukkan bahawa wujudnya satu fenomena baharu atau kebangkitan pengundi dalam menilai wakil rakyat yang dilihat lebih layak berdasarkan peribadi calon tersebut dan agenda utama yang menjadi pegangan utama. Namun begitu, dinamika politik Malaysia sekali lagi menyaksikan fenomena yang agak luar biasa ketika PRU ke-15 apabila pengundi muda baharu dan partisipasi politik itu telah mengalami transisi khususnya terhadap pendedahan calon yang bertanding. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan kajian ini untuk menganalisis pengaruh dan cabaran calon dan manifesto menerusi proses politik kontemporari. Metod yang digunakan dalam penulisan kajian ini adalah rujukan data primer iaitu keputusan PRU 2018 dan PRU 2022 manakala rujukan data sekunder adalah daripada sumber bercetak dan juga maklumat atas talian untuk mengukuhkan analisis mendalam bagi penulisan kajian ini. Dapatan dan perbincangan kajian menunjukkan bahawa faktor imej atau peribadi pemimpin dan parti, peranan media sosial dan perang persepsi telah berjaya memberi pengaruh besar terhadap pemahaman pengundi. Justeru keputusan PRU tersebut menunjukkan bahawa partisipasi politik bersifat fleksibel dan berseni serta tiada yang mustahil dalam proses politik.*

**Kata Kunci:** calon, manifesto, Malaysia, pengundi, pilihan raya

### ABSTRACT

*This study discusses the flow of influence towards voters in Malaysia's election based on candidates and his manifestos in contemporary election era. The 14th General Election (GE) 2018 and the 15th GE have seen a significant change in the division of votes based on parties that have been contested and candidates that represent the party and their own manifestos*

brought. The Malaysian political decision shows that for the first time in the country's electoral political history political change the Barisan Nasional (BN) has lost its way to the opposition coalition, Pakatan Harapan (PH). The 'extraordinary' 2018 general election results show new phenomenon on the rise of voters in evaluating the elected candidates who are more qualified based on their personality and the main agenda brought up. Nevertheless, the dynamics of Malaysian politics once again witnessed unusual phenomenon during 15th GE, emergence of new young voters rise up and transition of political participation experienced especially through the exposure of the candidates who contested. Therefore, the purpose of this study to analyze the influence and challenges of candidates and manifestos through the contemporary political process. The methods used in the writing of this study are the primary data reference of the 2018 and 2022 General Elections while the secondary data references are from printed sources as well as online information to strengthen the in-depth analysis of this article. The findings and discussion of the study show that the image or personality/personal damage of leaders and parties, social media role and the war of perception, has created a wave that eventually influenced voters in the general election. Thus the general election results show that political science is dynamic and artistic and that nothing is impossible in a political process.

**Keywords:** candidates, election, Malaysia, manifestos, voters

## 1. Pengenalan

Pilihan raya adalah asas penting dalam berkerajaan sendiri bagi negara yang sudah merdeka dan ianya sebuah proses yang membolehkan rakyat memilih pemimpin dan parti yang akan membentuk kerajaan. Pilihan raya juga merupakan elemen penting dalam pengamalan sistem demokrasi bagi sesebuah negara yang mengamalkannya. Dalam konteks ini, Persekutuan Tanah Melayu telah memperuntukkan untuk mengadakan pilihan raya dalam Perjanjian Persekutuan 1948 dan sudah termaktub bahawa akan berlangsungnya suatu pilihan raya di Tanah Melayu pada masa yang sesuai. Perkara ini menjelaskan bahawa ianya adalah kesedaran semua pihak orang Melayu pada ketika itu yang telah terlibat dalam gerakan nasionalisme di Persekutuan Tanah Melayu (Ghazali, 2008). Sejarah mencatat bahawa pilihan raya terawal yang diadakan ialah di peringkat perbandaran di mana ianya dilaksanakan setelah Akta Majlis Berkuda Tempatan diluluskan pada akhir tahun 1950 dan Pilihan Raya Bandaran 1951 diadakan buat pertama kali di Pulau Pinang. Pada awalnya pilihan raya ini bertujuan untuk memberi pengalaman politik menerusi amalan demokrasi kepada penduduk Tanah Melayu.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang berasaskan amalan demokrasi berparlimen yang menjelaskan bahawa ianya sebuah sistem kerajaan yang dipilih secara bebas oleh rakyat melalui pilihan raya dan bertanggungjawab kepada rakyat. Tanggal 27 Julai 1955, merupakan permulaan Pilihan Raya Umum (PRU) Persekutuan Tanah Melayu, diikuti PRU 1959 yang merupakan pilihan raya umum pertama selepas merdeka. Pada awalnya Persekutuan Tanah Melayu adalah koalisi atau gabungan UMNO, MCA, MIC yang membentuk Parti Perikatan sehingga PRU 1969 dan berlanjutan sehingga 13 Mei yang merujuk kepada perpecahan keharmonian kaum-kaum di Malaysia. Proses gabungan politik semakin kukuh pada tahun berikutnya iaitu tahun 1974 apabila terbentuknya Barisan Nasional (BN) dan Parti Islam se-Malaysia (PAS) dan gerakan dan parti-parti oposisi di Sabah dan Sarawak. Senario politik Malaysia sebagai sebuah negara yang absah dan berlegitimasi mewarnai amalan demokrasi dengan persaingan, pengaruh dan sokongan yang dimainkan oleh semua pihak dan melambangkan pelbagai corak kepimpinan

calon dan prestasi parti-parti politik dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia bermula tahun 1955 hingga 2023.

Keputusan pilihan raya umum ke-14 merupakan perubahan besar politik yang mengejutkan ramai apabila Barisan Nasional (BN) yang memerintah Malaysia sejak merdeka yang merupakan sebuah parti “*grand coalition*” telah tumbang apabila majoriti rakyat memberi mandat baru kepada Pakatan Harapan (PH) sekaligus menandakan detik bersejarah dan titik tolak permulaan pelbagai perubahan politik berlaku. Dalam pilihan raya itu, BN hanya memenangi 70 kerusi daripada 121 kerusi yang dipertandingkan dengan selebihnya dikuasai oleh parti pembangkang iaitu PH yang dianggotai oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Rakyat (DAP), Parti Pribumi Bersatu (BERSATU), dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Sementara itu, siri Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Kecil (PRK) yang berlangsung selepas itu juga turut menghantui analisis perubahan yang berlaku dalam fenomena politik di Malaysia disebabkan pergolakan dan krisis-krisis dalamman dan luaran yang berlaku terutamanya melibatkan gabungan parti dan sifat kepimpinan calon yang memegang tumpuk pemerintahan semasa.

Pelbagai ulasan telah dibuat berhubung dengan keputusan-keputusan pilihan raya Pasca PRU-14. Ada yang menyalahkan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad gagal menuaikan pelbagai janjinya kepada rakyat setelah meraih kemenangan dalam pilihan raya umum tahun 2018 itu. Ada juga yang menghubungkan keputusan itu dengan kemampuan dan kredibiliti yang ditonjolkan oleh ahli-ahli parlimen, serta pelbagai alasan lain yang dikaitkan dengan faktor pemimpin itu sendiri. Apabila peralihan kerajaan dibuat yang dipimpin oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada parti BERSATU, ada juga yang menuding jari kepada beliau kerana tidak memanfaatkan sebaik mungkin kuasa yang ada dalam menghadapi tekanan hidup yang makin mendesak ekoran pandemik COVID-19 yang melanda negara pada awal tahun 2020 serta pelbagai alasan lain yang dikaitkan dengan faktor kredibiliti seseorang pemimpin. Sementara di pihak lain, ada yang mentafsir keputusan PRU 14 itu ada kaitannya dengan undi protes di kalangan generasi muda khususnya bagi pengundi yang mengundi buat kali pertama dalam pilihan raya itu dan fenomena ini sudah menjadi sebatи dalam amalan politik kontemporari masa kini.

Manifesto populis yang ditawarkan oleh PH dalam kemenangannya meraih undi majoriti rakyat dalam mematahkan pengaruh BN dikatakan menjadi tumpuan utama semasa proses pilihan raya berlangsung, hal ini amat memberi pengaruh besar buat BN yang telah lama mendominasi pentadbiran negara Malaysia di mana sejarah kemenangannya sebelum ini adalah diperkuatkan oleh pelbagai dasar pembangunan yang telah dilaksanakan dalam memastikan kelangsungan ekonomi negara sebagai agenda utama yang dilihat bermatlamatkan soal pembangunan dan kesejahteraan khususnya dalam mencapai soal keadilan dan kesaksamaan ekonomi seperti dasar pembangunan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) yang kekal relevan sehingga kini. Namun begitu, manifesto BN dalam PRU-14 dilihat mempunyai kaitan secara langsung daripada manifesto yang telah dilaksanakan sebelum PRUke-13 dahulu di bawah prinsip pelaksanaan mekanisme ekonomi yang diperkenalkan di bawah kepimpinan Mohd Najib Razak yang turut difahami sebagai Najibnomics. Namun begitu, ianya terus timbulnya persoalan pengaruh Najibnomics semakin merudum dan menjadi punca utama penolakan BN apabila secara fundamentalnya ianya masih mempunyai kemaslahatan daripada soal menyelesaikan masalah bebanan ekonomi yang ditanggung rakyat dan diselit kombinasi skandal 1MDB yang melibatkan Najib Razak yang melemahkan struktur legitimasi pemerintahannya.

Di sebalik semua alasan di atas, perkara ini menjadi faktor utama yang sering dilihat masa kini di mana manifesto dan agenda yang dibawa oleh calon pemimpin menjadi sandaran utama dalam struktur pemerintahan negara. Ekoran peredaran masa, perubahan sikap pengundi atau lebih difahami rakyat di zaman kontemporari ini sudah lebih kritikal dalam meneliti setiap kepincangan dari sudut keperibadian seseorang pemimpin negara. Pilihan Raya Umum ke-15 baru-baru ini juga menjadi bukti pengaruh parti dan calon sendiri menjadi subjek utama dalam menilai spektrum pengaruh generasi muda dalam menurunkan undi. Pendek kata, kredibiliti calon pilihan raya yang memberi imej terhadap kepimpinannya. Namun begitu PRU-15 sedikit luar biasa daripada sebelumnya, dengan wujudnya fenomena bahawa beberapa calon yang sudah tidak asing lagi dengan pengaruh kepimpinannya gagal menawan tempat yang ditandingi. Perkara ini dapat dilihat dari pelbagai sudut kerana ianya ternyata memberi gambaran sebenar bahawa pengamalan politik di zaman kontemporari ini seolah-olah membuka ruang yang lebih besar dalam memahami perjalanan politik di Malaysia dengan lebih kritikal. Kajian ini, mempunyai signifikan tertentu untuk melihat dengan lebih lanjut pengaruh dan cabaran calon dan manifesto sehingga dilihat mampu mencetuskan perubahan yang besar dalam politik Malaysia. Keadaan penerimaan dan pemikiran masyarakat atau rakyat di Malaysia pasca PRU-14 adalah berbeza sama sekali terhadap PRU pemikiran sebelumnya kerana ianya melibatkan soal keutuhan dan keteguhan sesebuah parti untuk mengekalkan kedudukannya dalam arena politik Malaysia.

## 2. Tinjauan Literatur

### 2.1 *Pilihan Raya Umum Malaysia*

Sity dan Takiyuddin (2016), melalui kajiannya *Pilihan Raya Umum ke-13 dan Politik Perubahan* telah mendalmi berkaitan refleksi politik perubahan berdasarkan beberapa parti ketika PRU-13. Hujahan yang dibawa menegaskan bahawa fenomena perubahan politik Malaysia yang dipacukan oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi dan kebangkitan kelas menengah telah cenderung mengekalkan amalan beberapa amalan politik lama yang dianggap bertentangan dengan politik bahru yang kian kali didendangkan oleh Gen Y dan kuasa ketiga. Politik baharu adalah sebagai kesedaran politik dalam kalangan masyarakat yang memperlihatkan faktor sejagat dan nasional telah mula mendapat tempat berbanding hanya statik membincangkan isu etnik dan kelas di Malaysia. Sebagai contoh, ianya telah memberi kesan apabila pemimpin politik telah beransur beralih daripada meletakkan isu tradisional sebagai kurang penting sebagai persoalan sejagat dan nasional dan ternyata dapat meraih lebih banyak undi daripada pengundi muda di kawasan masing-masing.

Menerusi kajian tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa kempen parti politik yang menekankan tentang isu panas di kalangan pengundi terutamanya pengundi muda seperti isu pekerjaan, perumahan dan bantuan kewangan lebih menarik dan berkesan seperti statistik jumlah keluar mengundi semasa PRU-13 yang menunjukkan 2.5 juta pengundi muda telah mengambil tempat dalam pilihan raya tersebut. Pertembungan politik lama dan politik baharu antara parti-parti politik dengan sentimen-sentimen yang dibawa. Kajian tersebut juga menjelaskan bahawa terdapat trend utama yang mewarnai PRU-13 iaitu pengundian etnik (*ethnic voting*) dengan undi Melayu lebih ketara dilihat berpihak kepada BN manakala undi bukan Melayu kepada Parti Perikatan dan wujudnya imej seolah-olah berlaku “tsunami Cina”. Kenyataan ini disokong dengan analisis di mana penolakan BN secara nyata oleh pengundi-pengundi muda disebabkan BN-UMNO yang menggunakan sentimen etnik-agama, penggunaan media sebagai aluran serangan peribadi dan menggunakan pengaruh Mahathir iaitu mengabsahkan semula Mahathirisme di kalangan pengundi Melayu.

Tham & Hasmah (2014) dalam *kajiannya Malaysia's 13th General Election: Political Communication and Public Agenda in Social Media* turut mengkaji tentang komunikasi politik yang digunakan oleh ahli dan parti-parti politik yang bertanding semasa tempoh berkempen dijalankan yang menggunakan media sosial untuk menyampaikannya. Analisis kualitatif yang dianalisis menunjukkan bahawa laman Facebook dan saluran YouTube merupakan dua platform utama. Intipati komunikasi politik merupakan sfera politik baru dalam menyampaikan manifesto atau lebih tepat menarik perhatian bagi menggambarkan gerak kerja atau imej mereka untuk mempromosikan cadangan dasar kepada pengundi, jangkauan dan keterlihatan sesuatu isu adalah penting untuk mempengaruhi ruang awam. Kajian ini juga beperndapat bahawa media sosial berupaya memastikan agenda pilihan raya membentuk pendapat umum dan berinteraksi.

Menurut kajian ini pada tahun 2013, kempen pilihan raya yang digunakan oleh PKR menggunakan YouTube sebagai media alternatif selain media tradisional telah banyak memberi pengaruh kepada penyokong parti itu. Hal ini kerana apabila ceramah atau rapat umum yang dijalankan di lapangan turut juga direkod dan dikongsi di laman YouTube dan ianya dilihat tersebar dengan lebih pantas di setiap lapisan masyarakat untuk mendengar dan mendapatkan maklumat daripadanya. Beliau juga berpendapat bahawa media sosial merupakan alat pemasaran politik terhadap organisasi politik kerana ianya sebuah medan di mana ahli politik berada di suatu platform yang sama bersaing memberi pengaruh kepada golongan yang disasarkan.

Agus & Mashril (2019) dalam kajiannya *Pengaruh Campur Tangan Halus dalam PRU-14* telah mengkaji faktor kemenangan sesebuah parti politik dalam pilihan raya dari konteks *top-down* seperti manifesto, ideologi dan dasar parti politik dan juga pengaruh campur tangan halus (*soft-intervention*). Isu utama yang mendominasi pilihan raya itu dilihat ialah skandal 1MDB yang sekaligus menjadi liabiliti besar kepada BN kerana menjadi ibu kepada segala isu dalam PRU-14 tersebut. Segala isu kepentingan nasional yang terpalit telah memberi kesan yang besar buat rakyat serta menunjukkan berleluasanya gejala rasuah serta kawalan dan sekatan lebih ketat terhadap kebebasan media dan polemik *debt-trap* dengan kerajaan China yang menggadai negara dan membuatkan negara bankrap.

Temuan-temuan utama beliau dalam kajian ini adalah, BN pada ketika itu menggunakan teknik berkempen dengan menyampaikan kepada rakyat tentang kejayaannya memperjuangkan politik kaum Melayu bagi membersihkan semula imej mereka. Hal ini juga disebabkan pengundi kaum Cina tidak lagi mahu berpihak kepada MCA yang merupakan parti komponen BN untuk mewakili suara mereka dan lebih tertarik menyokong DAP yang dikatakan lebih mampu kesejahteraan mereka. BN juga berpandangan bahawa undi dari kaum Melayu lebih penting dan penerapan fahaman bahawa jika kaum Melayu tidak lagi memilih wadah perjuangannya, maka tidak mungkin ada lagi parti yang mampu memelihara hak keistimewaan bumiputera dan kelangsungan ekonomi kaum Melayu.

Abdul Rashid Moten (2020) menerusi kajian dalam *The Politics of Manipulation: Malaysia 2018-2020* telah mengkaji tentang kekuatan tipu daya yang digunakan oleh Perdana Menteri, Najib Razak tidak berjaya dan menunjukkan bahawa BN kehilangan kuasa dan mengakhiri pemerintahannya selama 61 tahun. Keperibadian dan gerakan politik yang wujud antara Najib Razak dan Mahathir Mohamad melalui manipulasi dan pengaruh-pengaruh yang dibawa telah mencetuskan krisis 2018-2020. Dalam kajian ini, beliau telah menyangkal strategi dan tipu daya yang dicorakkan oleh kedua-dua figura politik menggunakan pengaruh besar masing-masing dalam mengatur strategi bagi mendapat kepentingan masing-masing. Beliau melihat Mahathir Mohamad memilih untuk memimpin pakatan pembangkang yang

diketuai oleh parti yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim apabila menyedari bahawa beliau tidak boleh melawan UMNO seorang diri bagi memenangi pilihan raya. Hubungan buruk yang pernah dihadapi oleh Anwar Ibrahim dan Mahathir Mohamad semasa Krisis Kewangan Asia 1997/1998 dan wujudnya pertelaghan sehingga menyebabkan pemecatan Anwar pada tahun 1998 serta telah memenjarakannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan pelbagai pertuduhan sedikit pun tidak menjadi penghalang buat Mahathir untuk mencari rakan strategik. Rentetan daripada usaha menggunakan teknik kempen bersifat negatif untuk menggulingkan Najib Razak, Mahathir memutuskan untuk melaksanakan gencatan senjata bagi membentuk sebuah gabungan parti dengan pelbagai teknik retorik persuasif yang penuh dengan maksud dan agenda tersirat buat Anwar dan partinya (PKR) dan berjaya memujuk Anwar untuk memberi ruang kepadanya sebagai penggerusi bagi gabungan parti tersebut.

Usaha yang sama diaplikasikan oleh Najib Razak melalui parti BN/UMNO. Dalam kajian ini, didapati bahawa beliau terpaksa melakukan penipuan pilihan raya dengan mengubah peraturan yang mengawal pilihan raya serta memanipulasikan undi, menganggu proses pilihan raya serta bersungguh-sungguh menafikan sebarang bentuk spekulasi dan pertuduhan yang dilontarkan buat dirinya terhadap perbuatan yang telah dilakukan. Perkara ini sejajar dengan kuasa yang dimiliki oleh beliau sebagai Perdana Menteri ketika itu dan pemilikan kuasa ini memberi nilai tambah kepada beliau untuk menggulingkan musuh lawan, Mahathir Mohamad dengan memecatnya daripada Jawatan sebagai penasihat Petronas dan penggerusi Proton serta laporan polis di bawah Seksyen 500 kanun keseksaan tentang fitnah. Tuntas daripada kajian ini, penglibatan kuasa Najib Razak telah memanipulasikan banyak keadaan dalam usaha untuk melindunginya serta karier politik beliau dalam menyelesaikan krisis yang didepani selain daripada sokongan pengundi secara penuh dalam pilihan raya.

## 2.2 *Calon dan Manifesto*

Junaidi et. Al (2020) dalam kajian *Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018* di Malaysia, turut menyentuh mengenai faktor kemenangan dan kekalahan calon yang bertanding dalam skop namun dalam skop kawasan PRK yang diadakan. Namun begitu, beliau tidak menyentuh secara keseluruhan sebaliknya hanya memberi penekanan terhadap refleksi mengenai pengurusan isu dan krisis yang berkesan atau bijaksana melalui kesiapsiagaan parti politik dalam memperkemaskan jentera pilihan raya bagi memenangi hati pengundi dalam menuju PRU-15. Junaidi e tal. (2020) mendapati bahawa faktor sokongan dalam PRK pasca PRU 2018 lebih kepada isu semasa, pengaruh media sosial, identifikasi parti, ketokohan pemimpin, manifesto atau janji pembangunan. Pengaruh emosi atau perasan dan juga sentimen Melayu Islam yang dimainkan. Manakala pola pengundian didapati lebih kepada pengaruh etnik seperti etnik Cina dan India banyak memihak kepada PH manakala etnik Melayu kekal menunjukkan majoriti menyokong BN dan PAS.

Faktor pemilihan calon yang tepat didapati menjadi punca utama kemenangan PKR bagi PRK DUN Sungai Kandis. Ustaz Mohd Zawawi Ahmad Mughni sebagai calon ialah merupakan anak tempatan dan berlatarbelakang agama dan kesiapsiagaan jentera pilihan raya PKR/PH dilihat meliputi seluruh akar umbi serta gerak kerja urusan parti. Sentimen perkauman yang dilontarkan UMNO/BN memberi impak positif sokongan pengundi Cina dan India yang menolaknya. Analisis ini bertentangan dengan pihak lawan iaitu calon daripada BN yang dikatakan bukan anak tempatan, terpalit dengan isu sahsiah, kelemahan jentera parti, perpecahan undi Melayu yang disebabkan oleh ketidakpastian kerjasama antara BN/UMNO dengan PAS dan yang paling ketara adalah imej BN/UMNO sendiri dalam soal integriti parti dan kepimpinan. Oleh itu, melalui kajian yang dibuat, secara nyata menunjukkan bahawa faktor calon dan parti politik juga mampu berfungsi sebagai wadah

persaingan utama politik dalam mendapatkan populariti sekaligus mampu memenangi hati pengundi dan mampu memberi pengaruh dalam kedudukan politik.

Sara dan Norain (2018) menerusi kajian *Social Media as Political Hatred Mode in Malaysia's 2018 General Election* telah mengkaji peranan media sosial dalam mempengaruhi rakyat dan mengubah persepsi masyarakat yang akhirnya mewujudkan kebencian politik. Kajian ini menganalisis bahawa kuasa rakyat terletak dengan bantuan kuasa media sosial di mana pelbagai isu dan pendapat diutarakan semasa kempen bagi menyampaikan manifesto dan janji-janji politik. Masyarakat Malaysia didapati lebih cenderung memperdebatkan isu hangat yang dekat dengan situasi semasa di media sosial seperti inisiatif pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan menngantikannya dengan sistem percukaian lama iaitu Jualan dan Perkhidmatan Cukai (SST) seperti yang tertera dalam manifesto Pakatan Harapan. Perdebatan ini telah membawa kepada banyak maklum balas daripada media sosial sepanjang 11 hari berkempen dalam kalangan penyokong PH mahupun BN yang masing-masing cenderung melahirkan kebencian politik dalam kalangan pengguna media sosial.

Dalam kajian ini, Sara dan Norain (2018) juga telah reputasi calon seperti skandal politik serta penawaran janji manis berjaya mengubah kepercayaan pengundi. Anggapan bahawa reputasi calon yang terpalit dengan skandal politik pada setiap pilihan raya dikatakan boleh melahirkan tanggapan sama ada baik atau buruk. Oleh yang demikian, analisis bahawa ahli politik di Malaysia dalam mengambil bahagian secara aktif dalam komuniti dalam talian untuk memberi pendapat, berkongsi fahaman politik, mengkritik ahli politik lain menjadi sebahagian besar faktor terbesar penyertaan politik oleh masyarakat yang luas apabila masyarakat dapat menilai bagaimana parti politik dan pemimpin politik bersaing antara satu sama lain dalam wacana politik.

James Chin (2023) dalam kajian *Anwar's long walk to power: The 2022 Malaysian General Elections* mengkaji perjalanan Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10. Kajian ini mengambil kira tentang peristiwa politik penting yang mencetuskan PRU-15 menerusi beberapa faktor utama antaranya calon Perdana Menteri dan krisis gabungan parti politik. Najib Razak didapati gagal dalam rayuan terakhirnya atas kesalahan dalam kes pengubahan wang haram dan kesalahan lain dan dipenjarakan selama dua belas tahun dan ternyata mencetuskan krisis politik dalam UMNO disebabkan keimbangan ahli-ahli parti dan kepimpinan parti untuk meletakkan calon Perdana Menteri. Keadaan yang kucar-kacir selepas kekalahan besar PH semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) di Melaka, Sarawak dan Johor menganggu gugat kedudukan gabungan parti dalam menuju kepada hari pilihan raya berlangsung.

Kajian ini meneliti tentang koalisi-koalisi parti di bawah pimpinan pemimpin parti yang masing-masing mempunyai personaliti sendiri seperti BN di bawah Zahid Hamidi, PH di bawah Anwar Ibrahim, PN di bawah Muhyiddin Yassin, Gerakan Tanah Air (GTA) di bawah Mahathir Mohamad, Gabungan Parti Sarawak (GPS) di bawah Abang Johari dalam melihat kepada calon-calon yang dihantar untuk bertanding. Fenomena kempen oleh kesemua parti yang bertanding memberi gambaran yang luar biasa daripada pilihan raya umum sebelum ini apabila kesemua parti politik berlumba-lumba memberi tawaran dan menabur janji-janji politik secara bertungkus-lumus pada minggu terakhir berkempen menggunakan pelbagai teknik dan pemasaran dalam usaha memenangi hati rakyat khususnya pengundi baharu. Konflik semakin keruh akhirnya memberi kesan buruk terhadap keputusan pilihan raya di mana tiada koalisi utama yang berjaya memenangi majoriti undi 112 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan akan berfokuskan kepada pengaplikasian kerangka teoretikal yang telah dikenalpasti sebagai bersesuaian dengan tujuan kajian ini. Analisis kajian ini akan dilakukan secara kritikal dan komprehensif berdasarkan kerangka tersebut. Pengkaji akan menggunakan sumber-sumber sekunder seperti jurnal-jurnal akademik, buku-buku kajian berilmiah, dokumen-dokumen kerajaan dan berita-berita atas talian dalam mengumpul maklumat untuk kajian ini.

## 4. Dapatan Dan Perbincangan

### 4.1 Sejarah Pengundian dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia

#### 4.1.1 Pilihan Raya Umum 1982

Pilihan Raya Umum 1982 telah dijalankan setahun lebih awal sebelum pembubaran parlimen iaitu 1982 yang menyaksikan mandat yang diberikan kepada Mahathir Mohamad menggantikan Datuk Hussein Onn pada pertengahan tahun 1981 sekaligus memperlihatkan beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat. Kemerosotan ekonomi yang melanda negara pada waktu tersebut memberi nilai tambah terhadap kesesuaian untuk mengendalikan Pilihan Raya Umum. Keputusan PRU tersebut memihak kepada Barisan Nasional yang berjaya merangkul 139 kerusi Parliment daripada 154 jumlah kerusi Parliment yang dipertandingkan manakala bagi Dewan Undangan Negeri, BN berjaya menguasai 280 kerusi daripada 311 kerusi yang dipertandingkan dan secara umumnya parti tersebut berjaya menguasai Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Situasi kempen pilihan raya pada peringkat ini mempunyai kesinambungan terhadap krisis ekonomi dan strategi kempen dimainkan atas dasar kepimpinan baru yang ditawarkan kepada rakyat sebagai usaha untuk membendung krisis tersebut. Kempen secara tradisional diamalkan melalui ceramah di kawasan tertutup seperti dari rumah ke rumah, poster, kain rentang serta penyebaran iklan di surat khabar. Walaubagaimanapun, perhimpunan secara terbuka adalah dilarang sama sekali semasa berkempen. Antara faktor kemenangan BN adalah strategi yang diutarakan bagi mengalihkan sokongan pengundi kepada mereka iaitu seperti hari mengundi pertama kalinya diadakan pada hari Khamis dan bukannya hari Sabtu sepetimana PRU yang lepas. Faktor hari menjadi sebuah ukuran utama dalam melihat peratus keluar mengundi bagi menurunkan undi dan ianya strategi licik BN bagi meraih kemenangan mudah dalam PRU tersebut. Imej UMNO juga semakin baik dan diterima secara mendadak selepas kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO dan menjadi antara calon yang bertanding dalam kerusi Parliment. Sudah tentu, kemenangan UMNO dalam meraih undi masyarakat Melayu seperti yang dibuktikan daripada kejayaan dalam menguasai 70 kerusi Parliment daripada 73 kerusi yang bertanding di kawasan yang memiliki kepadatan kaum Melayu yang tinggi.

#### 4.1.2 Pilihan Raya Umum 2004

Peralihan kuasa dari Mahathir ke Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2004 juga merupakan antara pilihan raya yang cukup signifikan dalam konteks calon. Bermula daripada pembubaran parlimen pada 4 Mac 2004 dan dicatatkan bahawa pilihan raya ini telah

diadakan sembilan bulan lebih awal bagi memberi mandat yang baharu kepada kepimpinan Abdullah. Barisan Nasional berjaya memenangi 198 kerusi Parlimen berbanding 20 kerusi yang dimenangi oleh parti oposisi dan satu kerusi oleh calon bebas. Terdapat banyak faktor yang mendasari kemenangan dan kekalahan parti-parti yang bertanding dengan penyertaan calon yang membawa isu-isu hangat semasa berkempen dan dilihat telah memberi kesan terhadap mereka sendiri. Selari dengan persempadan semula kawasan pilihan raya pada 2003, analisis menunjukkan bahawa Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang dipimpin oleh Abdul Hadi Awang hanya dapat mengekalkan tujuh daripada 27 kerusinya pada pilihan raya sebelum ini begitu juga nasib Parti Keadilan Rakyat yang diketuai oleh Dr Wan Azizah Wan Ismail gagal mengekalkan empat daripada lima kerusi yang dimenangnya sewaktu pada PRU 1999. Keadaan ini membuktikan wujudnya sebuah gelombang politik yang baharu bagi kawasan-kawasan politik yang baharu berdasarkan pengaruhnya terhadap 418 calon yang mewakili sembilan parti politik dan 31 calon Bebas yang telah bertanding.

Bukan itu sahaja, para penganalisis politik juga menyimpulkan wujudnya banyak faktor dalam keputusan pilihan raya kali ini. Pertukaran pucuk kepimpinan negara dari Mahathir kepada Abdullah telah memberi gambaran umum tentang situasi atau sikap pengundi yang sudah berjinak-jinak memperhalusi tindakan-tindakan politik yang ditonjolkan oleh pemimpin-pemimpin ini. Dalam hal ini, kepimpinan Mahathir yang terlalu lama dan membosankan serta dilihat bersifat autoritarian dan sering menekan pihak lawan mula memudarkan sokongan rakyat terhadapnya. Oleh yang demikian, keperibadian yang dimiliki Abdullah dilihat mampu memberi harapan baru kepada rakyat Malaysia dan rakyat yakin akan perubahan corak kepimpinan yang akan diterajui selepas ini. Dalam masa yang sama, faktor sentimen yang dibawa juga menyumbang kepada keputusan akhir PRU ini apabila kegagalan PAS dikaitkan dengan sentimen hudud dan konsep negara Islam yang digembargemburkan sepanjang kempen pilihan raya. Tindakan ini telah ditolak oleh pengundi dan penyokong Barisan Alternatif sendiri sehingga menyebabkan DAP yang berada di bawah gabungan itu mengambil keputusan keluar apabila penyokongnya parti berasa kurang senang dan menolak hudud dan konsep negara Islam yang diperjuangkan.

#### *4.1.3 Pilihan Raya Umum 2013*

Dalam menerajui siri PRU di Malaysia yang lebih terkini, kebangkitan generasi muda ditonjolkan dalam menuntut peralihan tampuk pemerintahan mula mendapat sambutan melalui Pilihan Raya Umum yang ke-13 dan sekaligus mencatatkan sejarah pilihan raya paling sengit setakat tahun semasa. Pemerintahan yang dikuasai Barisan Nasional sebagai kerajaan sebelum-sebelum ini ternyata sudah memberi gambaran yang jelas tentang keinginan perubahan politik menerusi pelbagai krisis dan konflik yang berterusan. Pilihan raya ini juga digelar ‘tsunami politik bandar’ apabila Pakatan Rakyat (PR) iaitu gabungan parti pembangkang yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang berjaya menguasai 12 daripada 14 kerusi Parlimen yang terletak di kawasan bandar. Keadaan ini menyifatkan bahawa politik bandar iaitu tingkah laku ahli politik dan penghuni bandar, institusi politik bandar dan dasar kerajaan tempatan dan anjakan pola pengundian di hampir seluruh kerusi parlimen bandar utama di Malaysia berjaya ditawan oleh PR. Persaingan sengit antara BN dan PR adalah berdasarkan harapan yang diimpikan oleh penduduk di sesbuah kawasan itu sama ada harapan demokrasi mahupun harapan pembangunan. BN dilihat banyak memenangi kawasan yang mana majoriti penduduknya meletakkan harapan pembangunan yang tinggi dan didapat dominan di luar bandar khususnya di kawasan pedalaman, FELDA mahupun pinggir bandar yang jelas sekali mempunyai kepincangan dari sudut pembangunan.

Pengaruh politik bandar yang diterjemahkan melalui sokongan pengundi bandar terhadap PR berkait rapat dengan pendedahan maklumat politik yang lebih luas dan telus yang didapati di platform Internet serta membolehkan mereka berfikiran secara kritis terhadap isu-isu semasa. Hal ini kerana, sebelum ini media banyak dikawal oleh kerajaan dan segala maklumat yang dikeluarkan mempunyai kepentingan utama atau jelas sekali bersifat bias terhadap sesebuah parti sahaja. Dalam konteks PRU-13 ini, isu seperti kos sara hidup, konsumerisme, keselamatan, kehakiman dan isu-isu yang menyentuh hak asasi manusia menjadi tumpuan utama rakyat yang tinggal di bandar. Perubahan minda rakyat ke arah pemikiran yang lebih kritikal melemahkan keupayaan BN mempertahankan kekuatan kempennya yang hanya menonjolkan pencapaian pembangunan yang berjaya dicapai oleh kerajaan. Namun sebaliknya, ia tidak lagi begitu relevan apabila rakyat melihat pembangunan itu adalah tugas asas bagi kerajaan yang memerintah malah isu-isu kebijakan rakyat yang sepatutnya menjadi fokus utama pada waktu ini. Lebih menarik, rakyat juga cenderung menolak secara total mana-mana parti atau calon yang dilihat mempunyai tingkah laku yang tidak sewajarnya seperti rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan atau mempunyai skandal. Soal integriti menjadi persoalan utama yang menjadi ukuran rakyat dalam memilih calon yang layak untuk menjaga kebijakan mereka. Kebebasan berpolitik, mengakses makluman dan berpolitik merupakan senario politik yang teserlah pada peringkat ini ditambah dengan tsunami politik bandar yang menggalakkan lagi parti-parti yang bertanding untuk bijak menambahbaik ‘harapan sebenar’ rakyat bagi memberi kepercayaan pengundi di kawasan bandar mahupun di luar bandar.

#### **4.2 Intipati Pilihan Raya Umum 2018 dan 2022**

##### **4.2.1 Pilihan Raya Umum 2018**

Pilihan Raya Umum ke-14, dijelaskan sebagai ‘gelombang’ rakyat atau ‘kuasa rakyat. Selepas kebangkitan rakyat mula mendorong pemikiran hampir seluruh rakyat Malaysia pada tahun 2018, maka bermulanya satu lagi sejarah gerakan perkembangan baru seiring dengan penerimaan masyarakat. Kemunculan pelbagai jenis usaha dan cara bagi kesemua parti politik untuk memenangi hati pengundi 14, 940,624 yang direkodkan dalam PRU 2018. Setiap langkah yang digerakkan selari dengan kepentingan rakyat ketika itu kerana keperluan setiap parti mempunyai kepentingan dan agenda masing-masing dalam mengekalkan usaha dalam tampuk kepimpinan masa hadapan. Beralih kepada penelitian dalam ruang lingkup PRU 15, ianya seolah-olah sebuah perubahan yang amat drastik dari corak budaya politik dan kesannya dalam arena pilihan raya umum ini. Hal kerana ia diibaratkan sebagai tamparan hebat untuk setiap calon dalam parti masing-masing. Bukan lagi soal memberi pengaruh kepada rakyat, namun personaliti calon itu sendiri yang menentukan sama ada pengaruh yang diberi di kawasan bertanding untuk benar-benar dipengaruhi dan ianya juga bersandarkan realiti-realiti yang didepani oleh individu tersebut sama ada dalam konflik dalam parti atau konflik peribadi.

Dinamika yang sedikit berbeza daripada pilihan raya sebelum ini, dilihat dari beberapa perspektif iaitu terhadap calon yang diletakkan, kekuatan parti dan juga gabungan parti yang terbentuk. Erti kemenangan dan kekalahan gabungan parti menjadi persoalan utama bagi meneliti selok-belok isu dalaman dan isu calon yang berdepan dengan pelbagai reaksi dan gambaran bagi menjaga imej parti. Gelombang perubahan politik dan proses pendemokrasian pada tahap ini benar-benar terbukti dan ianya mampu direalisasikan dengan bersifat inklusif merentasi majmuk. Persaingan di antara kepartian menjadi semakin sengit apabila melibatkan prestasi rejim kerajaan sebelumnya dibangkitkan sama ada di dalam

parlimen mahupun luar parlimen dan diperkuatkan dengan elemen kesedaran pendidikan politik yang berlaku dalam masyarakat sekeliling.

Dari perspektif kekalahan Barisan Nasional, usaha parti ini dalam memancing undi dengan penawaran politik pembangunan semakin kurang relevan disebabkan terhakisnya kualiti pimpinannya. Namun begitu, kemenangan parti ini dalam memungut 79 kerusi Parlimen dikatakan mempunyai kesinambungan terhadap langkah drastik yang dilaksanakan dalam memastikan riwayatnya kekal di dalam PRU akan datang seperti berjaya mendapatkan kelulusan parlimen untuk meratifikasi Rang Undang-Undang (RUU) Akta Anti-Berita Palsu. Pandangan PH serta kebanyakan orang ramai mula melihat bahawa RUU ini merupakan strategi rejim autoritarian bagi menutup lubang kesalahan dan korupsi berkenaan dengan kes 1MDB. Usaha ini ternyata memberi kebaikan secara langsung buat calon-calonya yang turut terpalit dengan salah laku yang melibatkan integriti mereka sendiri. Terma Najibnomics digunakan dalam memahami pengaruh yang cuba disampaikan oleh Najib Razak di dalam manifestonya di mana ianya merupakan sebuah program pembangunan ekonomi yang dirancang sejak peralihan tumpuk pemerintahan negara yang menggantikan Abdullah Badawi. Jelas sekali, manifesto BN yang menawarkan dasar pembangunan populis yang bertemakan soal keterangkuman yang melontarkan janji faedah ekonomi kepada setiap kelas masyarakat yang ada di Malaysia banyak memberi faedah kepada BN namun ianya dilihat tidak dapat menyelamatkan struktur parti di peringkat ini.

Lantaran itu, pengukuhan dan perlaksanaan agenda yang dibawa ternyata mengundang perbahasan adakah ianya benar-benar merupakan pendekatan yang mendasari agenda pembangunan atau hanya sekadar retorik yang bersifat populis? Keputusan PRU-14 bagaimanapun telah membuktikan bahawa penolakan terhadap Najibnomics ini di peringkat nasional difahami dengan kebangkitan rakyat melalui bantahan senyap di mana sentimen rakyat lebih senyap dengan menilai tindakan rejim di bawah Najib Razak yang difahami melanggari prinsip asas kehidupan bernegara apabila memikirkan semula soal skandal 1MDB. Kepimpinan yang dilabel sebagai rejim kleptokrasi dikhabarkan gagal memelihara isu kenaikan kos sara hidup dan kesenjangan pendapatan yang mana ia merupakan impak daripada masalah penyelewengan, penggubahan wang haram dan kegiatan rasuah yang berleluasa disedari oleh rakyat.

Namun begitu, keadaan ini bukanlah seperti yang dijangka oleh kebanyakkan sarjana yang menganalisis hala tuju BN terutamanya selepas PRU-13. Hal ini demikian kerana analisis daripada Pilihan Raya Kecil (PRK) yang diadakan pada pertengahan tahun 2016 di Kuala Kangsar dan di Sungai Besar memungkinkan segala hal yang menjadi medan untuk menguji populariti Najib dan BN serta populariti pakatan pembangkang. Sebagaimana pandangan sarjana dalam kajian pilihan raya Malaysia, Muhamad Nadzri & Jamaie. "Politik, Pengungi dan Faktor Melayu/Bumiputera: analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018". Pecahan pakatan pembangkang membawa kepada persaingan tiga penjuru yang biasanya akan memberi untung kepada parti pemerintah atau difahami mampu menjangkakan bahawa ianya memberi kemenangan yang selesa kepada BN. Situasi ini mempunyai signifikan yang tersendiri di mana pengundi Melayu adalah majoriti di kedua-dua kawasan ini dan rata-rata isu utama kepimpinan Najib Razak sudah mula mendapat perhatian dalam kalangan rakyat. Pada saat ini, beliau bersama pemimpin yang lain yakin bahawa isu yang hangat itu tidak memberi kesan kepada pengundi Melayu dan mempercayai bahawa mereka akan terus menyokong perjuangan UMNO sebagai parti orang Melayu.

Walaupun begitu, kedudukan BN masih utuh di medan pertempuran sebagaimana keputusannya menyaksikan BN mendapat kemenangan mudah dengan majoriti yang lebih

tinggi meskipun merekodkan penurunan undi apabila dibandingkan semasa PRU-13. Usaha pakatan pembangkang melalui permuafakatan baru yang dinamakan Pakatan Harapan (PH) bersama Parti Amanah Negara (Amanah) gagal menemui kejayaan dalam merebut kerusi di kawasan tersebut walaupun dibantu dengan kehadiran bekas pemimpin-pemimpin UMNO seperti Mahathir Mohamad, Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir yang membantu meluaskan fahaman politik mereka terhadap pengundi terutamanya pengundi Melayu sewaktu berkempen. Calon BN di Kuala Kangsar hakikatnya hampir tidak turun berkempen langsung kerana masih dalam edah (Berita Harian, 2018). Hal ini memperlihatkan bahawa usaha BN tidak terjejas malah memberi keselesaan kepada Najib Razak dan pemimpin BN. Perkara ini juga menjadi punca utama PRU-14 ditangguhkan dengan yakin oleh Najib sehingga akhir penggal Parlimen ke-13.

Kesederhanaan dan sifat pragmatik yang diperkenalkan oleh model Pakatan Harapan yang lebih pluralis telah memberi peluang besar terhadap parti ini menawan kuasa di peringkat Persekutuan. Agak jelas sekali, strategi yang digunakan PH dalam membolot undi di kawasan Melayu/Bumiputera di kawasan luar bandar dan bandar adalah kunci kepada kejayaan ini. Namun begitu, kemunculan semula Mahathir dalam pentas politik menyerlahkan lagi suasana apabila beliau seolah-olah mendapat peluang yang cerah bagi menyatakan ketidakpuashatian terhadap pemerintahan di bawah Najib Razak dan berazam menyingkirkan yang dilabelkan sebagai ‘kleptokrat’ itu. Denyut politik baharu di Malaysia disaksikan kembali hidup apabila sokongan yang diberikan kepada kemunculan semula Mahathir Mohamad diterima dengan baik khususnya dengan kehadiran para pemimpin pembangkang dari PKR dan DAP serta beberapa bekas pemimpin UMNO yang telah disingkirkan oleh Najib Razak menerusi Deklarasi Rakyat (Nadzri, 2019). Dalam erti kata lain, penentangan kepada Najib Razak bukan sahaja daripada Mahathir Mohamad sendiri malah terdapat ramai pihak yang juga menyatakan hasrat yang sama dan mereka ini berjaya mengumpulkan kekuatan ini dengan menyambut baik usaha ini.

Perjalanan PH untuk menawan Putrajaya bukanlah semudah dan selancar yang disangkakan walaupun ianya jelas menjalankan amalan demokrasi di Malaysia dengan baik. Analisis awal dalam pemerintahannya menunjukkan bahawa amalan tidak bergabung walaupun dalam satu parti gabungan yang besar berlaku apabila kepimpinan yang dibawa oleh BERSATU telah mula mengorak langkah dan usaha secara terang-terangan dengan hasrat merekrut Ahli Parlimen BN khasnya UMNO ke dalam parti dan berjaya menambah jumlah ahli parlimen sekali ganda kepada 26 ahli parlimen kesemuanya. Amalan ini jelas telah menjelaskan kepimpinan politik parti itu hanya dengan alasan untuk mengukuhkanimbangan kuasa dan kedudukannya di dalam PH yang digelar sebagai ‘parti Melayu baharu’ selepas UMNO. Hal ini juga selari dengan bilangan kerusi yang dimenangi oleh BERSATU sendiri iaitu hanya berjaya memenangi 12 kerusi parlimen semasa PRU-14 berbanding PKR sebanyak 48 kerusi dan DAP sebanyak 42 kerusi. Oleh yang demikian, keadaan PH semakin menggusarkan di mana ianya secara jelas memperlihatkan pemimpin BERSATU pada ketika ini telah berjaya mengusai kedudukan dominan yang disandang dalam parti gabungan tersebut.

Pakatan pembangkang pada tahap ini mengalami turun dan naik dalam tempoh sebelum dan selepas PRU-14 ini. Bermula dengan konflik yang berlaku dalam parti terbesar di dalam PH iaitu parti PKR. Anwar Ibrahim selaku presiden PKR terdahulu telah wujudnya sebuah persetujuan bersama Mahathir Mohamad sebelum PRU-14 di mana Mahathir Mohamad akan dipilih sebagai Perdana Menteri sekiranya PH memenangi PRU kali ini dan seterusnya selepas beberapa tempoh masa tertentu Mahathir Mohamad akan meletakkan jawatan untuk memberi laluan kepada Anwar Ibrahim bagi menjawat jawatan itu. Isu

perbahasan peralihan kuasa ini dituntut oleh pelbagai pihak apabila jawatan masih selesa dibawah kepimpinan Mahathir dalam tempoh setahun dan ianya selari dengan hak mereka untuk menuntut janji dari persetujuan itu terutamanya dari kalangan para pemimpin PKR yang menjelaskan bahawa ianya patut didahulukan demi kepentingan mentadbir negara oleh presiden PKR tersebut. Namun berbeza daripada perspektif yang dilihat oleh Tengku Razaleigh Hamzah dari parti UMNO yang menyifatkan desakan tersebut tidak relevan. Hal ini kerana, berdasarkan peralihan kuasa yang ingin dicapai itu berada di luar ketetapan yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan bahawa peralihan kuasa boleh berlaku apabila Perdana Menteri tersebut berhenti, mati atau usul tidak percaya di Dewan Rakyat. Justeru itu, perjanjian itu tidak dikira daripada salah satu peruntukan Perlembagaan dan ianya adalah benar dari sudut itu.

Apabila siri Pilihan Raya Kecil (PRK) berlaku dalam kebanyakan masa selepas PRU 14, PH dilihat mengalami kekalahan yang amat tragis berbanding dengan PRK yang lain iaitu di Tanjung Piai pada tanggal 16 November 2019. Di saat ini, sokongan yang rendah terhadap kerajaan ini kian pudar dan salah satu sebab utama adalah berikutan dengan masalah dalam parti seperti yang dijelaskan. Hal ini dibuktikan sejurus melihat laporan daripada portal rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya (2019) yang menjelaskan perbezaan yang ketara undian terhadap PH dengan BN iaitu masing-masing dengan 10380 undi dan 25466 undi untuk BN.

Pergeseran yang berlaku terus membawa dalam kerajaan PH dan sekutunya sehingga menyebabkan kepimpinan yang dibawa semakin lemah dan terumbang-ambing serta termasuklah campur tangan daripada pihak lain yang cuba merumitkan keadaan ini. Lebih daripada itu, terdapat juga usaha daripada pemimpin BERSATU dan beberapa pemimpin PKR yang cuba mengambil peluang keemasan ini untuk kepentingan sendiri misalnya BERSATU yang terus ingin mempertahankan kedudukan sebagai parti dominan yang juga dilihat semakin ke kanan dengan ideologi konservatifnya serta politik perpuakan dalaman PKR yang melibatkan watak utama parti itu iaitu Anwar Ibrahim dan Azmin Ali. Langkah yang lebih agresif ini dikenali sebagai ‘Langkah Sheraton’ di mana menyaksikan pembentukan pakatan pemerintahan yang juga dapat dikategorikan sebagai projek merampas kuasa kerajaan PH bersama pihak pembangkang melalui jalan istana (Nadzri, 2020). Pentadbiran Mahathir Mohamad menunjukkan sebuah perjalanan yang penuh dengan liku bagi merealisasi janji reformasi dengan bermakna sehingga menyaksikan perletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri. Masyarakat Malaysia juga terpaksa menanggung derita di mana secara tidak langsung cenderung meragui kepimpinan PH yang kemudiannya menunjukkan parti itu secara beransur menghadapi defisit kepercayaan khasnya dalam kalangan bumiputera, masyarakat luar bandar dan golongan muda sejak daripada pergeseran tersebut (Kenneth, 2019).

Realitinya, PRU 2018 disifatkan sebagai gelombang baharu dan membentuk suatu euphoria dalam menafikan status quo Barisan Nasional, melihat kepimpinan dan kebangkitan rakyat yang mula mendapat tempat dalam proses sosialisasi politik di Malaysia. Kekuatan *political will* atau keinginan politik diasah melalui konflik yang sentiasa berlaku menjelang Pilihan Raya Umum ke 15. Oleh yang demikian, dalam meletakkan perihal parti-parti dan figura-figura hebat sebagai isu utama yang berlaku sepanjang PRU-14 ini adalah sesuatu yang kurang tepat kerana wujudnya faktor utama yang mendasari seperti perpecahan elit, kebangkitan media sosial dan kemunculan masyarakat digital itu sendiri. Hal ini kerana setiap faktor ini membawa kepentingan berserta impaknya yang tersendiri yang dilihat mempengaruhi kemenangan dan kekalahan PRU ini serta siri Pilihan Raya Kecil yang berlaku pasca PRU-14.

#### 4.2.1 Pilihan Raya Umum 2022

Pilihan Raya Umum ke-15 yang diadakan pada tahun ini (2022) mencatatkan lagi sebuah proses politik untuk diterajui dengan pelbagai isu yang mendasarinya. Tetapi, usianya yang masih lagi mentah mengehadkan perbincangan dari sudut penilaian corak pentadbiran dan kepimpinan yang dibawa sebagai kerajaan yang baharu. Namun begitu, signifikan pilihan raya ini adalah dari segi pembentukan kerajaan gabungan selepas situasi tiada gabungan politik yang berjaya memperoleh majoriti mudah. Terdapat tiga gabungan parti yang utama iaitu Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) tetapi masing-masing gagal mendapat undi majoriti 121 kerusi bagi membentuk kerajaan iaitu PH 82 kerusi, BN 30 kerusi, PN 74 kerusi, GPS 23 kerusi dan GRS 6 kerusi. Oleh yang demikian, pilihan raya ini berakhir dengan situasi tergantung selepas pengurus SPR menyatakan tiada pihak yang memperoleh majoriti 50 peratus daripada 219 kerusi yang diisyiharkan. Tidak dinafikan bahawa ianya merupakan pilihan raya yang paling sengit setakat ini dengan prestasi parti-parti yang bertanding untuk menyapu bersih kerusi parliment.

Perikatan Nasional di bawah pimpinan Muhyiddin Yassin daripada BERSATU merupakan gabungan parti yang bertanding atas satu logo terdiri daripada PAS, BERSATU dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia menjadi tumpuan utama yang membuka gelanggang buat pertama kali dalam pilihan raya umum (Berita Harian, 2023). Parti yang dilihat berteraskan integriti Islam ini hasil daripada koalisi bersama PAS telah membentuk identiti bahawa parti ini adalah berlandaskan syariat Islam dari sudut kepimpinannya. ‘Perpaduan Melayu-Islam dan Tolak DAP Komunis’ merupakan sentimen utama sebagai modal politik yang baru untuk mengapi-apikan sentimen perkauman dan manarik sokongan orang Melayu. Sentimen ini sering diulang-pakai menggunakan pendekatan yang kononnya sekiranya parti yang diwakili oleh kaum Cina, keiistimewaan orang Melayu akan tergugat. Hal ini menjadi persoalan yang hangat kerana jika diteliti dari sejarahnya, PAS juga pernah bekerjasama dengan Dap suatu ketika dahulu dan pertikaian tentang pegangannya terhadap persoalan ini masih kurang jelas sehingga hari ini. Keadaan dapat disamaartikan dengan melihat kepada teori *catch-all parties* atau difahami sebagai sistem khemah besar. Pandangan Kirccheimer (1996) dibincangkan oleh Wolinetz (2002) melihat sistem khemah besar merupakan peranti yang efektif menyaksikan tunduknya parti-parti politik terhadap kehendak pasaran politik sehingga menyebabkan parti-parti ini terpaksa mengabaikan segala usaha yang lebih kritikal. Perkara yang sama dilihat dari sudut perjuangan PN sewaktu tempoh berkempen yang dilihat berusaha meraih sokongan kumpulan-kumpulan berkepentingan iaitu anak muda yang mengundi buat pertama kali menumpukan kepada pegangan pemimpin yang dikatakan lebih memahami keperluan rakyat.

Struktur kepimpinan politik Pakatan Harapan pula berada di bawah naungan Anwar Ibrahim yang juga presiden bagi Parti Keadilan Rakyat. PH meletakkan sepuluh tawaran utama PRU-15 bagi memulihkan Malaysia dan membina ekonomi masa depan di dalam agenda utama parti itu. Selari dengan pengalaman pahи pasca PRU-14, parti ini berazam membina semula Malaysia bagi membendung kepincangan dasar yang terpaksa dilalui rakyat sebelum ini. PH menggunakan satu logo yang melambangkan koalisi gabungan parti-parti komponen iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Amanah Negara (Amanah), Pertubuhan Kinabalu Progresid Bersatu (UPKO) dan Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA). Berdasarkan gabungan yang agak besar ini, ia menjadi calon yang paling ramai berbanding parti lain. Kempen yang dilakukan oleh PH agak meriah

disebabkan dengan sokongan reformis-reformis yang mahukan Anwar Ibrahim menjawat jawatan Perdana Menteri setelah sekian lama berjuang dalam arena politik. ‘Reformasi Institusi’ merupakan agenda utama yang diangkat sewaktu berkempen dengan menekankan isu-isu ekonomi yang dipercayai perkara yang mustahak bagi menjamin kestabilan negara. Namun demikian, PH tetap berdepan dengan tugas yang agak sukar apabila kini wujud pertembungan dua penjuru daripada parti gabungan dominan iaitu BN dan PN bagi menembusi pemikiran kumpulan Melayu konservatif.

Slogan ‘Kestabilan dan Kemakmuran’ yang digunakan BN masih kekal utuh dalam meyakinkan pengundi. Mengangkat slogan ini sebagai naratif utama dalam PRU-15 adalah sesuatu yang ironi buat mereka dan menjadi cabaran besar bagi mengembalikan kepercayaan pengundi terutamanya dalam kalangan pengundi bandar dan pengundi muda selepas rekod buruk yang pernah dilalui sepanjang kepimpinannya sebelum ini. Keadaan lagi mendesak apabila wujudnya konflik dalaman yang berlaku antara parti dominan iaitu UMNO yang memberi kesan kepada calon-calon yang bertanding yang dikatakan menjelaskan maruah kepada ahli parti yang sudah lama berjuang di dalam parti itu. Zahid Hamidi selaku Presiden UMNO dan Pengurus BN dan ahli yang lain mengambil pendekatan berkempen dengan tidak memburukkan atau mengaibkan mana-mana pemimpin atau calon agar tidak mengundang lebih banyak isu. Krisis dalaman ini berlanjutan selepas keputusan diumumkan apabila pimpinan tertinggi dalam UMNO mengambil keputusan meletakkan jawatan dan wujud juga pandangan yang meminta Zahid Hamidi untuk melepaskan jawatannya.

Bagi pilihan raya umum kali ini, terdapat dua perkara penting yang perlu digariskan iaitu penguatkuasaan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 mengenai peruntukan Larangan Ahli Parliment Bertukar Parti telah dikuatkuasakan pada 5 Oktober 2023. Menerusi pindaan Perlembagaan ini menyatakan bahawa seorang ahli Dewan Rakyat akan hilang kerusi yang dimenanginya sekiranya wakil rakyat itu bertukar parti. Selain itu, Malaysia juga telah melakar sejarah buat pertama kali meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan 2019 bagi menurunkan had umur mengundi, pendaftaran pengundi automatik dan menurunkan umur calon bertanding pilihan raya kepada 18 tahun. Perkara ini membuktikan proses demokrasi berparlimen di negara ini berjalan lancar dan menunjukkan perkembangan yang baik. Hal ini menyaksikan 1.3 juta orang yang berusia bawah 21 tahun mengikut data telah keluar mengundi buat pertama kali. Senario ini sememangnya menimbulkan banyak pertikaian, persoalan serta perbahasan menerusi perlaksanaannya. Menurut penganalisis politik , kecetekan ilmu tentang perubahan kerajaan serta proses perjalanan pilihan raya yang dimiliki oleh golongan ini juga mempengaruhi keputusan PRU ini. Dengan kemunculan pengundi baharu selari dengan kemajuan teknologi, kempen dan pendekatan juga telah mula beralih kepada kempen secara digital berbanding kempen secara tradisional. Hal ini demikian menunjukkan suatu wadah baharu yang dapat diterokai melalui strategi yang digunakan oleh calon dan parti dalam meyakinkan pengundi-pengundi melalui media sosial seperti *Tik Tok*, *Twitter* dan *Youtube* menggunakan pelbagai pendekatan.

Pendekatan menggunakan media sosial ini kemudiannya, telah menjadi indikator utama dalam mengukur sejauhmana sesebuah parti mahupun calon menyemaikan sentimen atau doktrin masing-masing dalam usaha menambat hati pengundi. Masyarakat Malaysia sebagai masyarakat digital atau apa yang mungkin boleh ditermakan amat dekat dengan media sosial khususnya anak muda menjadikan pilihan raya semakin kompetitif. Hujahan ini telah membuktikan bahawa wujudnya faktor terhadap pengundian ke atas PN yang dikatakan sebilangan besar adalah berpunca daripada pengaruh aplikasi *Tiktok* yang menyebarkan isu-isu tentang rasis antara kaum, sentimen agama dan isu yang melibatkan kepentingan bangsa sebagai penentangan terhadap parti lawan. Peralihan daripada aplikasi *Facebook* sebagai

saluran utama ketika PRU-14 kepada *Tik Tok* yang lebih dekat dengan masyarakat sedikit sebanyak telah mengubah kempen PRU-15 dan strategi untuk mempengaruhi. Hal ini juga menjadi pilihan utama kerana matlamatnya adalah untuk mencapai sasaran kelompok yang besar menggunakan platform tunggal menjadikan ianya lebih mudah untuk mencuri tumpuan.

Akhirnya, Kerajaan Perpaduan dibentuk yang membabitkan penyertaan tiga komponen utama iaitu Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS). Kenyataan Istana Negara yang memaklumkan disebabkan tiada mana-mana pihak yang mempunyai majoriti untuk membolehkan seorang Perdana Menteri dilantik, Yang di-Pertuan Agong menitahkan bahawa gabungan parti-parti yang bertanding untuk menghadap Baginda bagi menyelesaikan perkara ini dengan kebijaksanaan dan cermat sebagaimana peruntukan Perlembagaan agar memastikan proses pelantikan Perdana Menteri dilakukan secara adil dengan melibatkan pendirian parti-parti yang terlibat. Tanggal 24 November, selepas Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja, Istana Negara mengumumkan pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 Malaysia. Jadi, jelaslah bahawa PRU-15 agak unik dari sudut proses awalnya namun ianya masih perlu dilihat dalam tempoh yang berikutnya dalam menilai kepimpinan yang dimandatkan oleh rakyat selepas proses pilihan raya tamat.

#### **4.3 Kemenangan dan Kekalahan Calon Pilihan Raya pada PRU-14 dan PRU-15**

Kemenangan dan kekalahan calon dalam konteks ini, mengunjurkan pemahaman dari sudut bandingan seseorang calon yang bertanding di dalam PRU-14 dan PRU-15. Kewujudan aktor-aktor politik yang sudah tidak asing lagi sudah tentu menjadi tumpuan utama dalam merencanakan tentang kemampuannya dalam mempertahankan kedudukan di dalam setiap pilihan raya yang dijalankan. Malah, dalam kebanyakan masa ianya dilihat seperti acara membala dendam daripada kemenangan atau kekalahannya sewaktu bertanding dahulu bagi membuktikan semula kepada rakyat. Selaras dengan dapatan kajian seumpamanya, Mauzy (1986) telah menghujahkan bahawa kejayaan dan pencapaian yang baik yang pernah disandang oleh BN dalam PRU 1982 dan faktor sokongan pengundi terhadapnya adalah bersandarkan rekod kejayaan BN yang memerintah sejak 1957. Jadi, jelaslah bahawa, penerusan atau identifikasi yang telah direncanakan boleh memberi keputusan terhadap pencapaian disebabkan oleh unjuran daripada sebelumnya.

Perbahasan dalam menganalisis pola pengundian dan faktor yang menyebabkan pola pengundian yang membawa kepada kekalahan mahupun kemenangan sememangnya membawa kepada banyak persoalan. Jika diteliti berdasarkan analisis keputusan PRU-14 dan PRU-15, pertimbangan faktor calon, kawasan penempatan, isu luaran, elemen usia, politik identifikasi parti dan pemasaran politik menjadi faktor penyumbang yang mempengaruhi tingkah laku pengundian dalam kalangan pengundi. Pemerihalan dimaksudkan dapat diperincikan seperti mana berikut. Misalnya, kemenangan besar BN dalam PRU-14 pada tahun 2018 dengan menguasai 79 parlimen pada PRU-14 tidak dapat dikekalkan semasa PRU-15 yang hanya memperoleh 30 kerusi Parlimen sahaja begitu juga PH sebanyak 113 kerusi dalam PRU-14 tetapi hanya tinggal 82 kerusi pada tahun 2022. Hal ini memperihalkan bahawa pengaruh bagi kedua-dua pilihan raya umum ini menunjukkan persaingan yang cukup hebat bagi calon-calon yang diletakkan oleh parti masing-masing.

##### **4.3.1 Khairy Jamaluddin Abu Bakar**

Menyedari hakikat ini, ianya bersifat tidak kekal seperti itu di dalam era politik kontemporari kini. Aplikasi pengalaman dan sejarah dan penaakulan analogi ini seringkali digunakan secara terang-terang oleh penerimaan rakyat. Dalam hal ini, Khairy Jamaluddin yang

merupakan ahli terkemuka parti politik terbesar iaitu UMNO merupakan antara calon yang dapat dilihat di dalam dua keadaan yang berbeza di kawasan yang dipertandingkan semasa PRU-14 dan PRU 15. Beliau merupakan Ketua Pemuda UMNO sejak Mac 2009 telah sebat dengan acuan perjuangan UMNO dan kewujudannya dalam parti tersebut memberi gambaran tentang ideologi segar daripada seorang ahli yang lebih muda daripada yang lain. Bagi bekas Ahli Parlimen Rembau selama tiga penggal ini, beliau dicalonkan oleh partinya untuk berentap di Sungai Buloh bagi PRU-15 dan dinyatakan bahawa parti itu mengambil kira pengundi di kawasan itu yang dikira mampu menerima keyakinan yang dimiliki bagi memenangi kerusi itu walaupun membabitkan persaingan banyak penjuru.

Dakwaan tentang pergolakan yang berlaku antara ahli UMNO masih berlebar sehingga wujudnya pertikaian bahawa parti itu berkemungkinan mempunyai niat untuk menamatkan karier politik beliau yang juga menyandang jawatan Menteri Kesihatan pada waktu tersebut. Cabaran besar kawasan ini adalah ianya merupakan kubu kuat Pakatan Harapan pada tahun 2018 yang lalu di mana BN tewas dengan majoriti 20,000 di kawasan tersebut. Bagi beliau yang menggelarkan dirinya adalah calon '*underdog*' di Sungai Buloh tekad dan usaha untuk bertanding selari dengan pelancaran manifesto sebagai janji komitmen untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengundi. Empat teras manifesto KJ buat Sungai Buloh yang bertemakan 'Kita Jaga Sungai Buloh dan Kita Jaya Malaysia' menyenaraikan teras Sejahtera Sungai Buloh, Digital Sungai Buloh, Sihat Sungai Buloh dan Lestari Sungai Buloh meletakkan harapan buat pengundi kawasan itu. Walaubagaimanapun menurut Yusri (2022), rata-rata pengundi masih sukar menentukan calon yang akan dipilih berpunca akibat pertembungan tujuh penjuru yang membabitkan calon yang dikatakan memiliki personaliti tersendiri. Perebutan kerusi antara Khairy Jamaluddin agak sengit menentang Datuk R Ramanan yang mewakili PH membuatkan rakyat terpaksa membuat pilihan untuk menyokong colon PH bagi membantu Anwar Ibrahim diangkat sebagai Perdana Menteri mahupun menyokong Menteri Kesihatan itu.

Faktor calon luar dan muka baharu menjadi antara penyumbang kesukaran untuk memuktamadkan keputusan untuk memilih wakil rakyat bagi kedua-dua calon tersebut. Namun begitu, jika diteliti dari sudut kredibiliti Khairy yang pernah menjadi Ahli Parlimen Rembau selama tinggal tidak tepat dijadikan penanda kemenangannya di kawasan baharu. Hal ini demikian, kerisauan pengundi mula mendapat tempat kerana risau akan suara penduduk tidak mampu diangkat berdasarkan tempoh yang singkat dalam meneliti kehidupan di Sungai Buloh. Perkara ini dibuktikan dengan keputusan PRU-15 kerusi Parlimen itu yang tidak memihak kepada Khairy apabila PH memenangi undi majoriti sebanyak 50,943 undi manakala BN hanya memenangi 48,250 undi. Walaupun hanya berbeza 2,693 undi, ini bermakna faktor calon dan manifesto itu menjadi penentu terbesar di sesebuah kawasan. Sungai Buloh menjadi cabaran utama terbesar beliau dalam meluaskan pengaruhnya serta tidak dilupakan Barisan Nasional sendiri.

#### 4.3.2 Nurul Izzah Anwar

Kegagalan mempertahankan kerusi Permatang Pauh oleh Nurul Izzah mencipta sejarah buat kawasan Parlimen itu yang merupakan kubu kuat PKR sejak 1982. Beliau yang juga Naib Presiden PKR, hanya berjaya mendapat 32,366 berbanding Muhammad Fawwaz Mat Jan daripada PN sebanyak 37, 638 undi. Bermula pada tahun 1982 yang merupakan PRU-6 , kawasan itu berjaya ditawan oleh Anwar Ibrahim yang bertanding atas tiket BN dan terus dikekalkan sehingga 1999 iaitu ketika beliau dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri selain menjalani hukuman penjara selepas didakwa dengan kes dakwaan rasuah dan liwat

(Berita Harian, 2022). Seterusnya, kerusi itu masih berjaya dikekalkan pada 2013 walaupun beliau hilang status sebagai Ahli Parlimen dan diambil alih oleh Wan Azizah dalam Pilihan Raya Kecil selepas itu. Oleh yang demikian, tidak dinafikan bahawa kerusi Parlimen ini cukup terkenal dengan legasi Anwar Ibrahim dan menjadi tumpuan utama setiap kali pilihan raya berlangsung. Namun begitu, kegagalan yang ditemui oleh Nurul Izzah membuka ruang kebanyakkan persoalan tentang bagaimana perkara ini berlaku.

Faktor identifikasi calon dan parti tahap ini tidak dapat dijadikan faktor utama kerana penduduk tempatan sudah kenal dengan ‘tuan rumah’ selama beberapa penggal. Keadaan yang selesa selama ini telah memberi kelebihan kepada Nurul Izzah terhadap jaminan kemenangan yang mungkin dimiliki pada malam pengiraan undi dibuat. Malangnya, ia membawa kepada situasi yang lebih buruk apabila kempen strategi yang digunakan oleh calon PN yang merupakan Ketua Pemuda PAS lebih menunjukkan keyakinan kepada pengundi secara senyap dan dibuktikan bahawa pengaruhnya sudah merebak dengan luasnya dan ‘Bank undi’ untuk keluarga Anwar dilihat semakin merudum. Gelombang hijau menghanyutkan ‘Puteri Reformasi’ dalam sekelip mata sekaligus mengejutkan banyak pihak khususnya PH sendiri. Kewajaran tentang calon tempatan juga menjadi bualan utama pengundi untuk memilih wakil rakyat mereka. Hal ini kerana Nurul Izzah buat pertama kali bertanding di Permatang Pauh pada 2018 dan sekali lagi bertanding pada tahun 2022 dikatakan masih belum ampu menerokai kawasan penduduk tersebut. Segelintir pengundi juga melahirkan perasaan kecewa akan sikapnya yang dikatakan kurang mendekati rakyat disebabkan kekangannya yang selalu berada di luar kawasan. Kesannya, pengundi lebih rela memberi nafas baru buat Permatang Pauh kepada Fawwaz yang merupakan anak tempatan Permatang Pasir dan lebih dekat dengan rakyat.

Hakikat menyedari bahawa corak pengundian dalam PRU-15 bukan lagi tertumpu kepada populariti calon semata-mata malah penilaian kritis terhadap calon itu sendiri yang menjadi penentu dalam pemilihan wakil rakyat oleh pengundi. Oleh itu, rekayasananya seseorang calon yang mempunyai pengaruh besar ini, dilihat hanya berlindung di bawah panji legasi keluarganya untuk meneruskan perjuangan politik. Dari segi persaingan pula, PRU kali ini juga difahami berdasarkan tuntutan untuk menarik undi pengundi muda yang membawa jumlah yang agak besar. Pemahaman tentang tahap kesedaran politik masih lagi lemah dan identifikasi politik melalui strategi beliau ini boleh dikatakan tidak berkesan. Oleh yang demikian, bagi pengundi lama yang sudah masak akan perjalanan politik di kawasan itu, mereka memerlukan calon yang mampu menjamin kebijakan mereka dengan lebih teliti dan lebih dekat.

## 5. Rumusan

Perubahan politik dalam era kontemporari dalam sejarah pilihan raya di Malaysia bermula pada tahun 2013, berjaya mengembangkan pemikiran masyarakat sehingga secara tidak langsung turut memberi perubahan yang cukup besar dalam budaya politik khususnya terhadap penerimaan rakyat dan kepercayaan pengundi. Menyedari perubahan politik dalam pilihan raya Malaysia khasnya PRU 2018 di mana persaingan pilihan raya telah menjadi semakin kompetitif akibat daripada perubahan proses persekitaran politik yang melahirkan rakyat dan pengundi yang semakin kritikal terhadap pemerintah dalam menentukan masa hadapan. Pemasaran politik dilihat mengalami revolusi mengikut keperluan semasa sebagaimana calon yang bertanding sedaya upaya menguatkan semangat kompetitif memanipulasi sebarang bentuk agenda berbanding memberi fokus terhadap keperluan yang mendesak secara umum. Hal ini secara tidak langsung, telah berjaya mengubah pespsi

rakyat dan pengundi terhadap keupayaan partisipasi dalam pilihan raya dalam mengetengahkan kepentingan sesuatu isu. Tambahan lagi, kesan daripada persekitaran semasa yang dihadapi terhadap rejim pemerintah yang berkuasa membawa kepada pembentukan imej calon dan parti dalam melihat sejahteran pilihan raya Malaysia berkualiti dari sudut keputusannya. Hal ini adalah kerana rakyat, mula merasakan perlunya kerajaan yang mampu menjalankan pentadbiran negara dengan cekap dalam menguntungkan setiap kelas masyarakat. Dalam sejarah pilihan raya di Malaysia daripada tahun 1978 sehingga 2022, munculnya pelbagai bentuk pemikiran atau ‘perang persepsi’ yang cuba diketengahkan dan ini secara tidak langsung telah menjadi penyumbang terbesar kepada pembentukan budaya politik di Malaysia yang lebih kritikal di era kontemporari ini. Berikutan perbezaan tempoh waktu dan kepentingannya, ia telah berjaya mewujudkan pemahaman politik yang pelbagai dan cukup luas dalam minda rakyat Malaysia sehingga rakyat dilihat mula celik untuk bangkit dalam menuntut jaminan sosiopolitik mereka sebagaimana yang difahamkan oleh calon-calon yang bertanding. Malah turut berlakunya transisi perubahan dalam gabungan pakatan antara parti yang dilakukan bagi memenuhi keseimbangan dalam mendepani dan merespons terhadap keperluan negara.

## Rujukan

- Abdul Rashid Moten (2020). The Politics of Manipulation: Malaysia 2018-2020. *Intellectual Discourse*, 28(2), 387–408. Retrieved from <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/1653> [ 12 Mei 2023]
- Ariff Adnan & Sity Daud. MANIFESTO BARISAN NASIONAL DAN KEJATUHAN NAJIBNOMICS DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45(2): 343-366.
- Berita Harian. (2022, November 20). *PRU15: Berakhirnya legasi keluarga Anwar di Permatang Pauh.*). <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028676/pru15-berakhirnya-legasi-keluarga-anwar-di-permatang-pauh> [24 Mei 2023]
- Chinnasamy, S., & Abdul Manaf, N. (2018). Social media as political hatred mode in Malaysia’s 2018 General Election. *SHS Web of Conferences*, 53, 02005. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20185302005>
- James Chin. (2023). Anwar’s long walk to power: the 2022 Malaysian general elections, *The Round Table*, 112:1, 1-13, DOI: 10.1080/00358533.2023.2165303 [23 Mei 2023]
- Junaidi Awang Besar et al. Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*
- Lock, A. dan Haris, P. (1996). Political marketing – vive la difference. *European Journal of Marketing*. Vol. 30 (10/11), 40-50
- Mohd Zakaria Ibrahim & Amer Saifude Ghazali. (2018, November). Ayunan sokongan rakyat Malaysia dalam Pilihanraya Umum 1999-2018. *Malaysia Brunei Forum 2018 (MBF 2018)*. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Jamaie Hj. Hamil. (2018). Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 386-408.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2020). Langkah Sheraton dan Implikasinya terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia. file:///C:/Users/Hp/Downloads/OpsSheratondanImplikasiterhadapKonsepPolitikdanPerundangan.pdf [28 April 2023].
- Newman, B. & Perloff, R.M. (2004). Political marketing: Theory, research, and applications. Dalam L. Lee Kaid (peny.) *Handbook of political communication research*. London: Lawrence Erlbaum Associates
- New Straits Times. (2022). *GE15: The PH and BN pact unveiled*. NST Online; New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/politics/2022/11/854192/ge15-ph-and-bn-pact-unveiled> [23 Mei 2023]
- Rahimah Abdullah. (2022). PRU15: Khairy kecundnag di Sungai Buloh. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-khairy-kecundang-di-sungai-buloh-392614> [10 Mei 2023]
- Sity Daud & Mohamad Takiyuddin Ismail. (2016). Pilihan Raya Umum ke-13. UKM Press
- Syajaratulhuda Mohamad Rosli. (2022) . *PRU15: “Kekalahan Nurul Izzah amat menyediakan.”* Sinar Harian; Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/232339/berita/politik/pru15-kekalahan-nurul-izzah-amat-menyesahkan>
- Welsh, B. (2020). Malaysia's Political Polarization: Race, Religion, and Reform. <https://carnegieendowment.org/2020/08/18/malaysia-s-political-polarization-race-religion-and-reform-pub-82436> [12 Mei 2023]
- Welsh, B. (2018), Hantu Raya: UMNO's Dead End Politics. In B. Welsh (ed.), *The End of UMNO: Essays on Malaysia's Former Dominant Party* (pp. 345-380), Petaling Jaya: SIRD Publications.